

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	12/3/2011

Peruntukan khas kepada ITNM menggalak dan merangsang aktiviti terjemahan

Najib jamin bahasa Melayu dipelihara

Oleh ZULKIFLI JALIL dan THOMAS CHONG
pengarang@utusan.com.my

PUTRAJAYA 11 Mac - Kerajaan akan memastikan dasar-dasar yang digubal sentiasa menyokong ke arah usaha mengembang dan memperkasa bahasa Melayu sama ada bersifat kenegaraan mahu pun keantarabangsaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menegaskan, bahasa Melayu yang telah sekian lama menjadi bahasa pertuturan rasmi dan juga bahasa kebangsaan Malaysia akan terus terpelihara, diperkemas dan diperkembangkan di dalam dan luar negara.

Dalam aspek ini, beliau turut mengumumkan bahawa kerajaan akan mempertimbangkan untuk memberi peruntukan khas kepada Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM) bagi tujuan menggalak dan merangsang aktiviti terjemahan.

Ia terutamanya melibatkan terjemahan karya-karya besar dunia ke dalam bahasa Melayu dan usaha-usaha pengekukan keupayaan.

"Jumlahnya (peruntukan kepada ITNM) akan ditentukan nanti. Di harapkan dengan suntikan ini, ia akan mampu merancakkan lagi senario terjemahan tempatan.

"Apa yang mustahak, biarlah bahasa Melayu menjadi dinamik bersama perkembangan zaman kerana itulah silat semula jadi sesuatu bahasa," katanya.

Beliau berucap ketika merasmikan Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) Piala Perdana Menteri di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini malam ini.

Hadir sama isteri beliau, Datin Seri Rosmah Mansor dan Menteri Penga-



NAJIB Tun Razak bersama para pemenang dan peserta Pertandingan Akhir Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) 2011 Piala Perdana Menteri di Pusat Konvensyen Antarabangsa (PICC), Putrajaya semalam. - UTUSAN/ZAKI AMIRUDDIN

jian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Perdana Menteri berkata, beberapa karya ulung sudah pun diterjemah ke dalam bahasa Melayu antaranya *Siddharta* dan *Revival and Reform in Islam*.

"Terkini, saya diberitahu, karya tersohor Jalaluddin al-Rumi bertajuk *Masnavi* yang asalnya dalam bahasa Parsi sedang dibuat penterjemahannya.

"Dalam pada itu, seperkara yang agak unik, buku tulisan saya bertajuk *Menakhoda Zaman* sedang giat diterjemahkan pula ke dalam bahasa Parsi," kata beliau.

PM ucap takziah kepada Jepun

KUALA LUMPUR 11 Mac - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menyampaikan ucapan takziah dan simpati kerajaan dan rakyat Malaysia kepada kerajaan Jepun dan rakyatnya atas musibah gempa bumi serta tsunami yang melanda negara itu petang ini.

Perdana Menteri berkata demikian dalam ucapan pembukaan Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Perdana Menteri 2011 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini malam ini.